AL-BANJARI, hlm. 307-332 Vol. 16, No.2, Juli-Desember 2017
ISSN (Print) 1412-9507 ISSN (Online) 2527-6778

# KEDUDUKAN HADIS DALAM JUZUK 2 KITAB KASYF AL-GHUMMAH FI AHWALIL MAUTA FIL BARZAKH WAL QIYAMAH

**Muhammad Darul Ehsan Bin Derome dan Mohd Arif Nazri**

Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
darulehsan92@gmail.com dan mohdarif@ukm.edu.my

**Abstract:**
This study examines the position of chapter 16 in the second volume of the Book of *Kasyf al-Ghummah Fi Ahwalil Mauta Fil Barzakh Wal Qiyamah* by Syeikh Daud al-Fatani. The research shows that Sheikh Daud wrote this book to answer the demands of the people who wanted to know about death and doomsday. The characteristics of this book present a number of hadiths without specifying the position of the hadith. The findings of the 16 Hadiths find 3 Hadiths of Muttafaqun alaih, 7 are sahih, 1 is hasan, 2 hadiths are dhaif, 3 hadiths are not known to their original sources. Among the 13 hadiths found its source, 11 hadith are maqbul and 2 are mardud.
**Keywords**: *Kedudukan Hadis, Kitab Kasyf al-Ghummah dan Syeikh Daud al-Fatani*

## Pendahuluan

Kajian kedudukan hadis di dalam Kitab Kasyf al-Ghummah karya Syeikh Daud al-Fatani amat penting dilakukan seperti juga kitab-kitab ilmu Islam yang lain. Hal ini telah menjadi tradisi, yang mana bukti inginkan yang terbaik serta menjaga kutelanan agama.

Makluman awal, kitab Kasyf al-Ghummah ini memfokuskan tentang kematian dan kiamat. Kitab ini dikenali sebagai karya akidah dan hadis. Karya ini telah memperlihatkan keunikan kerna karya hadis oleh Syeikh Daud amat terhad bilangannya.

Melalui artikel ini, kedudukan hadis akan memfokuskan terhadap hadis-hadis bab 16 di dalam juzuk 2 kitab Kasyf al-Ghummah berkaitan tentang Syurga dikelilingi dengan perkara yang tidak disukai manakala neraka dikelilingi dengan keinginan, serta sifat ahlinya.

Url: http://jurnal.uin-antasari.ac.id/index.php/al-banjari/index
DOI: http://dx.doi.org/10.18592/al-banjari.v16i1. 1264

Bagi melengkapkan kajian ini, maklumat ringkas berhubung pengarang kitab dan pengenalan kitab di bahagian awal artikel. Selanjutnya fokus akan diberikan terhadap data-data kedudukan hadis yang didapati di dalam bab 16 juzuk 2 kitab Kasyf al-Ghummah.

**Biografi Pengarang**

Nama penuh Syeikh Daud Al-Fatani ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris atau Wan Senik. Beliau juga dikenali sebagai 'Alim al-'Allamah al-'Arif al-Rabbani dan Sheikh Daud Keramat.[1] Ibunya bernama Wan Fathimah anak Wan Salamah bin Tok Banda wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela bin Mustafa Datu Jambu bin Sultan Muzaffar Waliuallah bin Sultan Abu Abdullah Umdatuddin. Bapa beliau pula bernama Wan Abdullah bin Wan Idris bin Tok Wan Abu Bakar bin Tok Kaya Pandak bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela.[2]

Beliau yang lebih dikenali sebagai Tok Syeikh Daud Patani ini mempunyai lima adik beradik iaitu Syeikh Wan Abdul Qadir, Syeikh Wan Abdul Rasyid, Syeikh Wan Idris dan seorang adik perempuan namanya Siti Khadijah. Beliau merupakan anak sulung di dalam keluarga dan merupakan yang paling Berjaya dan alim berbanding yang lain.[3]

Para pengkaji berselisih pendapat tentang tempat kelahirannya. Wan Mohd Saghir berpendapat bahawa beliau dilahirkan di Kampung Kerisek, Pattani. Abdullah al-Qari pula berpendapat bahawa beliau dilahirkan di Kmapung Bendang Gucil.[4] Manakala Ismail Che Daud pula mengatakan bahawa beliau dilahirkan di Kampung Parit Marhum berhampiran dengan Kampung Kerisek, iaitu kira-kira 7 kilometer di sebelah selatan Bandar Patani sekarang.[5]

Tahun kelahirannya juga tidak dapat dipastikan kerana terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan penyelidik mengenainya. Dalam catatan-catatan beberapa keluarga penulis yang ada hubungan dengan beliau, ada yang

---

[1] Mohd Saleh Abdul Razak, Wasiat Sebelum Bergelar Ulama, (Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2011), h xii.

[2] Wan Mohd Saghir Abdullah, Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara, (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990), h 73.

[3] Taufan Prasetyo, Peranan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam Memajukan Intelektual Islam Di Patani, ( Jakarta : UIN Syarif Hidayatullah : 2015), h 30.

[4] Abdullah al-Qari, Pujangga Syeikh Daud al-Fatani, (dalam Majalah Dian : 1967), h 131.

[5] Ismail Che Daud, Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1), (Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan : 2001), h 19.

mencatat tahun 1133 H, 1153 H dan tahun 1183 H. Ismail Che Daud menyatakan bahawa tarikh kelahirannya ialah pada 1183 H bersamaan 1769M.[6]

Syeikh Daud al-Fatani meninggal dunia dan dimakamkan di Taif. Kuburnya bersampingan dengan kubur Saidina Abdullah bin Abbas iaitu sepupu Rasulullah SAW. Tahun kematiannya tidak diketahui dengan pasti. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat beliau meninggal dunia sekitar tahun 1847 M dan ada juga yang menyebut tahun 1265 H.[7]

**Perkenalan Kitab Kasyf al-Ghummah**

Judul penuh karya ini ialah Kasyf al-Ghummah Fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah. Selesai ditulis pada 20 Rabi'ul Awwal 1238H/1819M. Diberi nama sebagai Kasyf al-Ghummah kerana pada keseluruhannya menerangkan secara jelas tentang keadaan orang mati di adalam barzakh dan keadaan yang berlaku pada Hari Kiamat. Ia terdiri daripada 2 juzuk dan dicetak di bahagian tepi karya beliau yang paling besar iaitu Furu' al-Masail, namun ada juga yang dicetak berasingan.

Pada keseluruhan karya ini menceritakan tentang keadaan yang berkaitan dengan kematian, suasana di dalam kubur, keadaan di hari Akhirat, kisah syurga dan neraka. Kupasan kitab ini dibahagikan kepada dua juzuk. Juzuk pertama terdapat 14 Bab manakala juzuk kedua terdapat 35 Bab. Tulisan ini untuk mengkaji kedudukan 16 buah hadis kesemuanya yang terdapat dalam bab 16 juzuk 2 Kitab Kasyf al-Ghummah Fi Ahwalil Mauta Fil Barzakh Wal Qiyamah karya Syeikh Daud al-Fatani.

Karya ini merupakan sebuah karya yang dipadankan dari karya Jalal al-Din al-Suyuti iaitu Syarh al-Sudur dan karya Abd al-Wahab al-Sya'rani iaitu Mukhtasar Tadhkirah al-Qurtubi. Dalam erti kata lain karya ini memuatkan terjemahan hadith-hadith, athar dan pendapat para ulama terutama yang disebut oleh kedua-dua tokoh yang disebut diatas dalam dua karya tersebut.[8]

Banyak hadis-hadis yang menjadi sokongan kepada kenyataannya tanpa dinyatakan kedudukannya. Setelah itu, beliau menyebut hadis yang lain pula. Begitulah seterusnya sehingga berpindah kepada bab yang berikutnya. Walaupun begitu, Syeikh Daud al-Fatani tidak mempunyai bentuk yang selaras, ketika meriwayat hadis-hadis Rasulullah SAW. Beliau telah menggunakan

---

[6]Taufan Prasetyo, Peranan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam Memajukan Intelektual Islam Di Patani, ( Jakarta : UIN Syarif Hidayatullah : 2015), h 29.

[7]Wan Mohd Saghir:http://ulamanusantara.blogspot.com

[8] Rosni Wazir, Hadis-hadis Dalam Kasyf al-Ghummah Juzuk 1 ( Malaysia : Universiti Malaya : 2006), h 94.

berbagai cara meriwayatkan hadis-hadis tersebut. Antara cara beliau meriwayatkan hadis:

1. Menyebut tokoh yang meriwayatkan hadis tersebut beserta maksud atau terjemahan hadis sahaja tanpa disertakan teks atau matan hadis,
   Contohnya: Riwayat al-Bukhari, "Bahawa Rasulullah bersabda, "neraka dikelilingi oleh semua jenis kehendak dan nafsu, manakala syurga dikelilingi oleh semua jenis perkara-perkara yang tidak diingini tidak suka."
2. Menyebut hadis terus dari Rasulullah SAW dan disertakan terjemahan hadis sahaja,
   Contohnya: Dan pada Hadis Bahawa Rasulullah SAW bersabda "Nabi SAW bersabda: "Mahukah, aku khabarkan kepada kamu tentang penghuni surga Mereka terdiri daripada tiap-tiap orang yang merendah diri, dan jika dia mengambil Sumpah Allah bahawa dia akan melakukan perkara itu, maka Allah akan menunaikan janjinya (dengan? berbuat demikian). Mahukah aku khabarkan kepada kamu tentang orang-orang ahli neraka? Yaitu setiap orang yang kejam, ganas, bangga dan sombong."
3. Mengambil hadis terus dari sahabat yang meriwayatkan hadis tersebut
   Contoh: 'Daripada Anas bin Malik RA katanya Rasulullah SAW bersabda…'
4. Menyebut perawi dan sahabat, kemudian diperturunkan terjemahannya.
   Contoh: Dan Riwayat al-Bukhārī daripada Abū Hurairah, "Nabi berkata, "Syurga dan neraka (neraka) berhujah, dan Api (Neraka) itu berkata," Aku diberikan keistimewaan menerima sombong dan zalim. ' Syurga berkata, 'Apakah perkara itu dengan saya? Mengapa hanya yang lemah dan rendah diri terhadap manusia masuk saya? ' Pada itu, maka Allah berfirman kepada syurga. Engkau adalah rahmat-Ku yang Aku berikan kepada sesiapa yang saya ingin hamba-hamba-Ku. Kemudian Allah berfirman kepada (neraka) Kebakaran Engkau adalah saya (cara) hukuman oleh yang saya menghukum sesiapa yang saya ingin hamba saya. Dan setiap kamu akan kenyang itu. ' Bagi Api (Neraka), ia tidak akan penuh sehingga Allah meletakkan kaki-Nya ke atas ia dimana ia akan berkata, 'Cukup! Cukup! ' Pada masa itu ia akan diisi, dan bahagian-bahagian yang berbeza akan datang lebih dekat antara satu sama lain; dan Allah tidak akan salah mana-mana makhluk-Nya. Berkenaan dengan Syurga, Allah akan mewujudkan makhluk yang baru untuk mengisi dengan."
5. Menyebut terjemahan sahaja

Contohnya: Pada hadis 'Kamu syuhada Allah pada buminya, maka barangsiapa mensaksi kamu atasnya kejahatan wajib baginya neraka'.

6. Menyebut tokoh yang meriwayatkan hadis dan sahabat bersama teks hadis serta terjemahnnya
   Contoh:
   Riwayat Abū Dāwud dan al-Baihaqī daripada Abū Hurairah katanya : "Sabda Rasulullah *Shallallahu ᶜAlaihi wasallam*, يُحْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى ثَلاثَةِ أَصْنَافٍ : رُكْبَانًا، وَمُشَاةً، وَعَلَى وُجُوهِهِمْ ، فَقَالَ رَجُلٌ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَيَمْشُونَ عَلَى وُجُوهِهِمْ؟ قَالَ : الَّذِي أَمْشَاهُمْ عَلَى أَرْجُلِهِمْ قَادِرٌ أَنْ يُمْشِيَهُمْ عَلَى وُجُوهِهِمْ,
   Artinya: *berjalan manusia itu pada hari kiamat terbahagi kepada tiga golongan. Iaitu berkenderaan, berjalan kaki dan berjalan diatas muka mereka itu. Maka seorang lelaki bertanya : Ya Rasulullah, Adakah berjalan mereka itu di atas muka mereka? Sabdanya, yang menjalankan(kudrat Allah) mereka dengan kaki itulah yang menjalankan(kudrat Allah) mereka dengan muka mereka.*"
7. Menyebut tokoh yang meriwayat hadis dari Nabi beserta teks hadis tanpa terjemahan
   Contoh: Riwayat Ibn Abi Syaibah marfu' sabda Nabi SAW
   أكثر عذاب القبر من البول
8. Ada juga beliau menyebut hadis dari tokoh selepas sahabat
   Contoh: 'Dari Asim anak Damrah daripada Saidina Ali RA katanya sabda Rasulullah SAW; makan olehmu dengan bithih.'
9. Menyebut matan atau teks hadis dan disertakan dengan terjemahannya sahaja tanpa menyebut perkara-perkara lain.
   Contohnya:
   إن الشيطان يأتى أحدكم قبل موته فيقول مت يهوديا مت نصرانيا
   '*Sesungguhnya syaitan akan datang kepada seseorang sebelum kematiannya, maka berkata ia mati olehmu Yahudi dan mati olehmu Nasrani.*'

Bahkan karya ini merupakan sebuah karya Syeikh Daud al-Fatani yang unik dan menarik kerana ia menyentuh dua aspek utama dalam Islam iaitu akidah dan hadis. Walaupun kurang diberi perhatian oleh para sarjana akidah, kasyf al-Ghummah sudah mendapat perhatian apabila para sarjana mula menganggapnya sebagai salah sebuah karya hadis Syeikh Daud al-Fatani yang

amat terhad bilangannya. Maka, ia boleh dianggap sebagai rujukan yang baik jika ingin melihat hadis-hadis yang berkaitan.[9]

Kesimpulannya, karya ini mempunyai hadis-hadis yang sangat banyak dan didatangkan dalam pelbagai keadaan. Syeikh Daud al-Fatani hanya mengulas sebahagian kecil sahaja hadis yang termuat dalam kitabnya itu. Oleh itu, kajian ini menjadi satu kewajipan untuk diperjelaskan kedudukan dan martabat hadis-hadis tersebut yang mana pengkaji hanya menukilkan penilaian hadis yang telah dilakukan oleh para ulama yang telah mengtakhrij hadis tersebut sebagai dapatan kajian.

**Kedudukan Hadis Bab 16**

**a) Hadis Maqbul**

HADIS 1

Riwayat al-Bukhari,

"Bahawa Rasulullah bersabda, "neraka dikelilingi oleh semua jenis kehendak dan nafsu, manakala syurga dikelilingi oleh semua jenis perkara-perkara yang tidak diingini tidak suka."[10]

Matan Hadis

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " **حُجِبَتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ، وَحُجِبَتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ** "[11]

Takhrij: Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan Imam al-Tirmizi.

1. Sahih al-Bukhari, Hadis nombor 6487, *Kitab al-Riqaiq, Bab Hujibat al-Nar Bi al-Syahwat, Juzuk 4.*[12]
2. Sahih Muslim,Hadis 2822, *Kitab al-Jannah Wa Sifat Ni'amiha Wa 'Ahliha, Juzuk 4.*[13]

[9]Fauzi Deraman, Kedudukan Hadis Dalam Kitab Jawi : Karya syakh Daud al-Fatani, (Malaysia : Universiti Malaya : 1997) h 431

[10] Daud al-Fatani, *Kasyf al-Ghummah Fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah*, (Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyah : 2009M), h 216.

[11]Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail, Shahih al-Bukhari (Qaherah : al-Ṭab$^{c}$ah al-Salafiah : 1400H), h 189 j 4 .

[12]Al-Bukhari, Abu'Abd Allah Muhammad bin Ismail, Shahih al-Bukhari, (Qaherah : al-Ṭab$^{c}$ah al-Salafiah : 1400H), h 189 j 4 .

[13] Muslim, Muslim Ibn al-Hajāj Abū al-Hasan al-Qushairi al-Naysābūri, Ṣaḥīḥ Muslim, (Beyrūt : Dār Ihyā' al-Turāth al-$^{c}$Arabi : 1412H), h 2174 j4.

3. Jami’ al-Tirmizi, Hadis nombor 2559, *Kiṭāb Ṣīfāṭ āl-Jānnāḥ, Bāb Mā Jāā’Ḥūffāṭī āl-Jānnāḥ Bīl Mākārīḥ WāḤūffāṭ ī āl-Nār Bī āl-Ṣyāḥwāṭ.*[14]

Ulasan

Hadis ini dinukil oleh Syeikh Daud secara mafhum sahaja dengan menyatakan bahawa ianya Riwayat al-Bukhari sebagai hadis utama bagi bab ini. Berdasarkan mafhum yang diberi, penulis telah menemukan matan seperti diatasyang mana merupakan daripada Imam al-Bukhari. Kedudukan hadis ini mencapai taraf Mutafaqun ‘alaih oleh Imam al-Nawawi di dalam Riyadush Shalihin.[15] Maka tiada keraguan baginya.

HADIS 2

Pada satu riwayat bagi Imam al-Tirmizi

“Bahawa Rasulullah SAW bersabda :Apabila Allah menjadikan syurga dan neraka, Dia menghantar Jibril ke syurga, berkata:". Lihatlah ia dan apa yang saya sediakan di dalamnya untuk penghuninya "Beliau (saw) berkata:" Maka datanglah ia kepadanya dan melihat ia, dan pada apa yang telah Allah sediakan di dalamnya dia (Jibril) berkata: Sesungguhnya, dengan Kuasa anda, tidak ada yang mendengar melainkan bahawa dia akan memasukinya' . Kemudian Dia memberi perintah untuk itu akan dikelilingi dengan kesusahan Beliau berkata: Pulanglah kepadanya dan melihat ia, dan apa yang saya sediakan di dalamnya untuk penghuninya. "Beliau (saw) berkata:" Maka beliau kembali ke ia dan mendapati ia dikelilingi dengan kesusahan Beliau kembali kepada-Nya dan berkata: Sesungguhnya, dengan Kuasa anda, saya takut bahawa tidak akan memasukinya' Dia (s.a.w) berkata: 'Pergi ke neraka dan melihat ia dan apa yang saya sediakan di dalamnya untuk penghuninya.' Jadi dia mendapatinya, satu bahagian daripadanya menunggang yang lain supaya dia kembali kepada-Nya dan berkata:. '. Sesungguhnya, dengan Kuasa anda, tidak ada yang mendengar dan kemudian memasukinya' Maka Dia memberi perintah untuk itu akan dikelilingi dengan keinginan, lalu berfirman: '. Kembalilah kepadanya,' Maka dia (Jibril) kembali kepadanya, maka dia berkata: "Sesungguhnya, dengan

[14] Al-Tirmīdhī, Muhammad bin ᶜIsa Ibn Sawrah ibn Mūsā, Sunan al-Tirmīdhī, (Riyāḍ : Maktabat al-Maᶜarif : t.th) h 577.

[15] https://sunnah.com/riyadussaliheen/1/101

Kebesaran-Mu, aku takut bahawa tidak akan disimpan daripadanya kecuali bahawa dia akan memasukinya."[16]

Matan Hadis :

**عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ  قَالَ : لَمَّا خَلَقَ اللَّهُ الْجَنَّةَ وَالنَّارَ أَرْسَلَ جِبْرِيلَ إِلَى الْجَنَّةِ، فَقَالَ : انْظُرْ إِلَيْهَا وَإِلَى مَا أَعْدَدْتُ لِأَهْلِهَا فِيهَا، قَالَ : فَجَاءَهَا وَنَظَرَ إِلَيْهَا وَإِلَى مَا أَعَدَّ اللَّهُ لِأَهْلِهَا فِيهَا، قَالَ : فَرَجَعَ إِلَيْهِ قَالَ : فَوَعِزَّتِكَ لَا يَسْمَعُ بِهَا أَحَدٌ إِلَّا دَخَلَهَا، فَأَمَرَ بِهَا فَحُفَّتْ بِالْمَكَارِهِ، فَقَالَ : ارْجِعْ إِلَيْهَا فَانْظُرْ إِلَى مَا أَعْدَدْتُ لِأَهْلِهَا فِيهَا، قَالَ : فَرَجَعَ إِلَيْهَا فَإِذَا هِيَ قَدْ حُفَّتْ بِالْمَكَارِهِ، فَرَجَعَ إِلَيْهِ فَقَالَ : وَعِزَّتِكَ لَقَدْ خِفْتُ أَنْ لَا يَدْخُلَهَا أَحَدٌ، قَالَ : اذْهَبْ إِلَى النَّارِ، فَانْظُرْ إِلَيْهَا وَإِلَى مَا أَعْدَدْتُ لِأَهْلِهَا فِيهَا، فَإِذَا هِيَ يَرْكَبُ بَعْضُهَا بَعْضًا، فَرَجَعَ إِلَيْهِ، فَقَالَ : وَعِزَّتِكَ لَا يَسْمَعُ بِهَا أَحَدٌ فَيَدْخُلَهَا، فَأَمَرَ بِهَا فَحُفَّتْ بِالشَّهَوَاتِ، فَقَالَ : ارْجِعْ إِلَيْهَا، فَرَجَعَ إِلَيْهَا فَقَالَ : وَعِزَّتِكَ لَقَدْ خَشِيتُ أَنْ لَا يَنْجُوَ مِنْهَا أَحَدٌ إِلَّا دَخَلَهَا "[17]**

Takhrij : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, Imam Abu Dawud dan Imam Al-Nasa'i.

1. Jāmīᶜ āl-Ṭīrmīḍḥī, Ḥāḍīṣ nōmbōr 2560, *Kīṭāb Ṣīfāṭ āl-Jānnāḥ, Bāb Mā Jāā' Ḥūffāṭī āl-Jānnāḥ Bīl Mākārīḥ Wā Ḥūffāṭī āl-Nār Bī āl-Ṣyāḥwāṭ.*[18]
2. Ṣūnān Ābī Ḍāwūḍ, Ḥāḍīṣ nōmbōr 4744, *Kīṭāb āl-Ṣūnnāḥ, Bāb Fī Kḥālqū āl-Jānnāḥ Wā āl-Nār.*[19]

---

16 Daud al-Fatani, Kasyf al-Ghummah Fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah, (Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyah : 2009M), h 216.

17 Āl-Ṭīrmīḍḥī, Mūḥāmmāḍ bīn ᶜĪṣā Ībn Ṣāwrāḥ ībn Mūṣā, Ṣūnān āl-Ṭīrmīḍḥī, (Rīyāḍ : Mākṭāb āṭ āl-Māᶜārīf : ṭ.ṭḥ) h 577.

18 Āl-Ṭīrmīḍḥī, Mūḥāmmāḍ bīn ᶜĪṣā Ībn Ṣāwrāḥ ībn Mūṣā, Ṣūnān āl-Ṭīrmīḍḥī, (Rīyāḍ : Mākṭāb āṭ āl-Māᶜārīf : ṭ.ṭḥ) h 577.

3. Ṣūnān Āl-Nāṣā'ī, Ḥāḍīṣ nōmbōr 3763, *Kīṭāb āl-'Āīmān Wā āl-Nūḍḥū r, Bāb āl-Ḥālfū Bī ᶜĪẓẓāṭīllāḥ.*[20]

Ulasan

Hadis yang kedua di dalam bab ini, Syeikh Daud telah mendatangkan hadis riwayat Imam Tirmidhī seperti yang dinyatakan di atas. Penulis telah menemukan beberapa hadis yang mana turut diriwayat oleh Imam Abū Dāwūd dan Imam Al-Nasā'i. Hadis ini telah dihukumkan Hasan Ṣaḥīḥ oleh Imam Tirmīdhī, Imam Abū Dāwūd, Imam al-Nasā'i dan Syeikh al-Albānī mengatakan Ḥasan. Jika berdasarkan kedudukan hadis yang dinyatakan ianya tingkatan yang kedua tertinggi selepas Ṣaḥīḥ. Maka tiada keraguan pada hadis yang kedua ini.

HADIS 3

Dan Riwayat al-Bukhārī daripada Abū Hurairah,

“Nabi berkata, "Syurga dan neraka (neraka) berhujah, dan Api (Neraka) itu berkata," Aku diberikan keistimewaan menerima sombong dan zalim. ' Syurga berkata, 'Apakah perkara itu dengan saya? Mengapa hanya yang lemah dan rendah diri terhadap manusia masuk saya? ' Pada itu, maka Allah berfirman kepada syurga. Engkau adalah rahmat-Ku yang Aku berikan kepada sesiapa yang saya ingin hamba-hamba-Ku. Kemudian Allah berfirman kepada (neraka) Kebakaran Engkau adalah saya (cara) hukuman oleh yang saya menghukum sesiapa yang saya ingin hamba saya. Dan setiap kamu akan kenyang itu. ' Bagi Api (Neraka), ia tidak akan penuh sehingga Allah meletakkan kaki-Nya ke atas ia dimana ia akan berkata, 'Cukup! Cukup! ' Pada masa itu ia akan diisi, dan bahagian-bahagian yang berbeza akan datang lebih dekat antara satu sama lain;

---

19 Ābẓ Ḍœwūḍ, Ṣūlāymœ̄n Ībn āl-Āṣḥ ᶜāṭḥ Ībn Īṣḥœ̄k Ībn Bāṣḥīr Ībn Ṣḥāḍœ̄ḍ Ībn ᶜĀmrẓ āl-Āẓḍ ī āl-Ṣījīṣṭœ̄nī, Ṣūnān Ābẓ Ḍœwūḍ, (Rīyāḍ : Māķṭābāṭ āl-Māᶜārīf : ṭ.ṭḥ) h 858.

20 Āl-Nāṣā'ī, Ābū ᶜĀbḍ āl-Rāḥmān Āḥmāḍ Ībn Ṣḥūᶜāyb, Ṣūnān āl-Nāṣā'ī, (Rīyāḍ : Māķṭābāṭ āl -Māᶜārīf : ṭ.ṭḥ) h 582.

dan Allah tidak akan salah mana-mana makhluk-Nya. Berkenaan dengan Syurga, Allah akan mewujudkan makhluk yang baru untuk mengisi dengan."[21]
Matan Hadis

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ : " تَحَاجَّتِ الْجَنَّةُ وَالنَّارُ، فَقَالَتِ النَّارُ : أُوثِرْتُ بِالْمُتَكَبِّرِينَ وَالْمُتَجَبِّرِينَ، وَقَالَتِ الْجَنَّةُ : مَا لِي لَا يَدْخُلُنِي إِلَّا ضُعَفَاءُ النَّاسِ وَسَقَطُهُمْ، قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لِلْجَنَّةِ : أَنْتِ رَحْمَتِي، أَرْحَمُ بِكِ مَنْ أَشَاءُ مِنْ عِبَادِي، وَقَالَ لِلنَّارِ : إِنَّمَا أَنْتِ عَذَابِي، أُعَذِّبُ بِكِ مَنْ أَشَاءُ مِنْ عِبَادِي، وَلِكُلِّ وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا مِلْؤُهَا، فَأَمَّا النَّارُ فَلَا تَمْتَلِئُ حَتَّى يَضَعَ رِجْلَهُ، فَتَقُولُ : قَطْ قَطْ، فَهُنَالِكَ تَمْتَلِئُ وَيُزْوَى بَعْضُهَا إِلَى بَعْضٍ، وَلَا يَظْلِمُ اللَّهُ مِنْ خَلْقِهِ أَحَدًا، وَأَمَّا الْجَنَّةُ، فَإِنَّ اللَّهَ يُنْشِئُ لَهَا خَلْقًا "[22]

Takhrij : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, Imam Muslim dan Imam al-Tirmidhī.

1. Ṣāḥīḥ āl-Būkḥārī, Ḥādīṣ nōmbōr 4850, *Kīṭāb Ṭāfṣīr āl-Qūr'ān, Bāb Q āwlīḥī : Wā Ṭāqūlū Ḥāl Mīn Māẓīḍ, Ṣūrāḥ Qāf, Jūẓūk 3.*[23]
2. Ṣāḥīḥ āl-Būkḥārī, Ḥādīṣ nōmbōr 7449, *Kīṭāb āl-Ṭāwḥīḍ, Bāb Mā Jāā' Fī Qāwlīllāḥ 'Īnnā Rāḥmāṭīllāḥ Qārīb Mīnāl Mūḥṣīnīn, Jūẓūk 4.*[24]
3. Ṣāḥīḥ Mūṣlīm, Ḥādīṣ nōmbōr 2846(ā), *Kīṭāb āl-Jānnāḥ WāṢīfāṭī Nāᶜī mīḥā Wā Āḥlīḥā, Jūẓūk 4*[25].

[21] Daud al-Fatani, Kasyf al-Ghummah Fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah, (Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyah : 2009M), h 217.
[22] Al-Bukhārī, Abūᶜ Abd Allah Muhammad bin Ismail, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (Qaherah : al-Ṭabᶜah al-Salafiah : 1400H), h 296 j 3 .
[23] Al-Bukhārī, Abūᶜ Abd Allah Muhammad bin Ismail, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (Qaherah : al-Ṭabᶜah al-Salafiah : 1400H), h 296 j 3 .
[24] Al-Bukhārī, Abūᶜ Abd Allah Muhammad bin Ismail, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (Qaherah : al-Ṭabᶜah al-Salafiah : 1400H), h 394 j 4 .
[25]Muslim, Muslim Ibn al-Hajāj Abū al-Hasan al-Qushairi al-Naysābūri, Ṣaḥīḥ Muslim, (Beyrūt : Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabi : 1412H), h 2846 j4.

4. Ṣāḥīḥ Mūṣlīm, Ḥāḍīṣ nōmbōr 2846(b), *Kīṭāb āl-Jānnāḥ WāṢīfāṭī Nāᶜ ī mīḥā Wā Āḥlīḥā, Jūẓūk 4.*[26]
5. Ṣāḥīḥ Mūṣlīm, Ḥāḍīṣ nōmbōr 2846(ḍ), *Kīṭāb āl-Jānnāḥ WāṢīfāṭī Nāᶜ ī mīḥā Wā Āḥlīḥā, Jūẓūk 4.*[27]
6. Jāmīᶜ āl-Ṭīrmīḍḥī, Ḥāḍīṣ nōmbōr 2561, *Kīṭāb Ṣīfāṭ āl-Jānnāḥ, Bāb M ā Jāā' Fī Īḥṭījāj Fī Īḥṭījāj āl-Jānnāḥ Wā āl-Nār.*[28]

Ulasan

Hadis ketiga ini didatangkan Syeikh Daud secara mafhum sahaja. Beliau menyatakan bahawa ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī. Berdasarkan mafhum, penulis telah menemukan hadis seperti yang dinyatakan di atas dan turut diriwayat oleh Imam Muslim dan Imam al-Tirmīdhī. Kedudukan hadis yang ketiga ini adalah Sahih. Maka tiada keraguan padanya.

HADIS 4

Riwayat Muslim daripada ᶜIyaḍ bin Himar bahawa Rasulullah bersabda pada satu hari di dalam khutbah.

"Ahli Syurga tiga: Orang yang memegang kuasa dan hanya adil, orang yang benar dan telah dikurniakan dengan kuasa untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang baik. Dan orang yang pengasih dan baik hati terhadap saudara-saudaranya dan kepada setiap muslim yang soleh, dan orang yang tidak menghulurkan tangannya walaupun mempunyai keluarga yang besar untuk menyokong. Dan Dia berkata: penghuni Neraka itu adalah lima: yang lemah yang tidak mempunyai kuasa untuk (menjauhi kejahatan), yang (riang) yang mengejar (segala-galanya tanpa mengira hakikat bahawa ia adalah baik atau jahat) dan yang tidak mempunyai apa-apa penjagaan untuk mereka keluarga atau untuk kekayaan mereka. Dan orang-orang yang tidak jujur yang tamak tidak boleh disembunyikan walaupun dalam hal perkara-perkara kecil. Dan yang ketiga. yang mengkhianati anda. pagi dan petang, berkenaan dengan

---

[26] Muslim, Muslim Ibn al-Hajāj Abū al-Hasan al-Qushairi al-Naysābūri, Ṣaḥīḥ Muslim, (Beyrūt : Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabi : 1412H), h 2846 j4.

[27] Muslim, Muslim Ibn al-Hajāj Abū al-Hasan al-Qushairi al-Naysābūri, Ṣaḥīḥ Muslim, (Beyrūt : Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabi : 1412H), h 2846 j4.

[28] Al-Tirmīdhī, Muhammad bin ᶜIsa Ibn Sawrah ibn Mūsā, Sunan al-Tirmīdhī, (Riyāḍ : Maktabat al-Ma□arif : t.th) h 577.

keluarga anda dan harta anda. Beliau juga memberitahu perkara yang bakhil dan pendusta dan orang-orang yang berada dalam tabiat mendera rakyat dan menggunakan bahasa lucah dan busuk. Abu Ghassan dalam riwayatnya tidak membuat penyebutan "Belanja dan ada akan dibelanjakan untuk anda."[29]

Matan Hadis

حَدَّثَنِي أَبُو غَسَّانَ الْمِسْمَعِيُّ، وَمُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، وَمُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارِ بْنِ عُثْمَانَ، - وَاللَّفْظُ لأَبِي غَسَّانَ وَابْنِ الْمُثَنَّى - قَالاَ حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هِشَامٍ، حَدَّثَنِي أَبِي، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ مُطَرِّفِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الشِّخِّيرِ، عَنْ عِيَاضِ بْنِ حِمَارٍ الْمُجَاشِعِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ ذَاتَ يَوْمٍ فِي خُطْبَتِهِ " أَلاَ إِنَّ رَبِّي أَمَرَنِي أَنْ أُعَلِّمَكُمْ مَا جَهِلْتُمْ مِمَّا عَلَّمَنِي يَوْمِي هَذَا كُلُّ مَالٍ نَحَلْتُهُ عَبْدًا حَلاَلٌ وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَفَاءَ كُلَّهُمْ وَإِنَّهُمْ أَتَتْهُمُ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالَتْهُمْ عَنْ دِينِهِمْ وَحَرَّمَتْ عَلَيْهِمْ مَا أَحْلَلْتُ لَهُمْ وَأَمَرَتْهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أُنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا وَإِنَّ اللَّهَ نَظَرَ إِلَى أَهْلِ الأَرْضِ فَمَقَتَهُمْ عَرَبَهُمْ وَعَجَمَهُمْ إِلاَّ بَقَايَا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَقَالَ إِنَّمَا بَعَثْتُكَ لأَبْتَلِيَكَ وَأَبْتَلِيَ بِكَ وَأَنْزَلْتُ عَلَيْكَ كِتَابًا لاَ يَغْسِلُهُ الْمَاءُ تَقْرَؤُهُ نَائِمًا وَيَقْظَانَ وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَنِي أَنْ أُحَرِّقَ قُرَيْشًا فَقُلْتُ رَبِّ إِذًا يَثْلَغُوا رَأْسِي فَيَدَعُوهُ خُبْزَةً قَالَ اسْتَخْرِجْهُمْ كَمَا اسْتَخْرَجُوكَ وَاغْزُهُمْ نُغْزِكَ وَأَنْفِقْ فَسَنُنْفِقَ عَلَيْكَ وَابْعَثْ جَيْشًا نَبْعَثْ خَمْسَةً مِثْلَهُ وَقَاتِلْ بِمَنْ أَطَاعَكَ مَنْ عَصَاكَ . **قَالَ وَأَهْلُ الْجَنَّةِ ثَلاَثَةٌ ذُو سُلْطَانٍ مُقْسِطٌ مُتَصَدِّقٌ مُوَفَّقٌ وَرَجُلٌ رَحِيمٌ رَقِيقُ الْقَلْبِ لِكُلِّ ذِي قُرْبَى وَمُسْلِمٍ وَعَفِيفٌ مُتَعَفِّفٌ ذُو عِيَالٍ** - قَالَ - وَأَهْلُ النَّارِ خَمْسَةٌ الضَّعِيفُ الَّذِي لاَ زَبْرَ لَهُ الَّذِينَ هُمْ فِيكُمْ تَبَعًا لاَ يَتْبَعُونَ أَهْلاً وَلاَ مَالاً وَالْخَائِنُ الَّذِي لاَ يَخْفَى لَهُ طَمَعٌ وَإِنْ دَقَّ إِلاَّ خَانَهُ وَرَجُلٌ لاَ يُصْبِحُ وَلاَ يُمْسِي إِلاَّ وَهُوَ يُخَادِعُكَ عَنْ أَهْلِكَ وَمَالِكَ " . وَذَكَرَ الْبُخْلَ أَوِ الْكَذِبَ " وَالشِّنْظِيرُ الْفَحَّاشُ " . وَلَمْ يَذْكُرْ أَبُو غَسَّانَ فِي حَدِيثِهِ " وَأَنْفِقْ فَسَنُنْفِقَ عَلَيْكَ "[30]

Takhrij Hadis : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim

---

[29] Daud al-Fatani, Kasyf al-Ghummah Fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah, (Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyah : 2009M), h 217.

[30]Muslim, Muslim Ibn al-Hajāj Abū al-Hasan al-Qushairi al-Naysābūri, Ṣaḥīḥ Muslim, (Beyrūt : Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabi : 1412H), h 2917 j4.

1. Ṣāḥīḥ Mūṣlīm, Ḥāḍīṣ nōmbōr 2865(ā), *Kīṭāb āl-Jānnāḥ WāṢīfāṭ Nāᶜ mīḥā Wā 'Āḥlīḥā, Bāb āl-Ṣīfāṭī āl-Lāṭī Yūᶜ rāfū Bīḥā Fī āl-Ḍūnyā Āḥl ū āl-Jānnāḥ Wā Āḥlū āl-Nār, Jūẓūk 4.*[31]

Ulasan

Hadis keempat ini merupakan sebuah hadis yang panjang, namun Syeikh Daud hanya mendatangkan sebahagian sahaja secara mafhum. Berdasarkan mafhum, penulis menemukan matan yang dinyatakan diatas. Hadis ini diriwayat oleh Imam Muslim sahaja dan tidak didapati di dalam 5 kitab utama hadis lain. Kedudukan hadis ini adalah Ṣaḥīḥ. Maka tiada keraguan padanya.

HADIS 5

Dan pada Hadis Bahawa Rasulullah SAW bersabda

"Nabi SAW bersabda: "Mahukah, aku khabarkan kepada kamu tentang penghuni surga Mereka terdiri daripada tiap-tiap orang yang merendah diri, dan jika dia mengambil Sumpah Allah bahawa dia akan melakukan perkara itu, maka Allah akan menunaikan janjinya (dengan? berbuat demikian). Mahukah aku khabarkan kepada kamu tentang orang-orang ahli neraka? Yaitu setiap orang yang kejam, ganas, bangga dan sombong."[32]

Matan Hadis

**عَنْ حَارِثَةَ بْنِ وَهْبٍ الْخُزَاعِيِّ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ " أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ الْجَنَّةِ، كُلُّ ضَعِيفٍ مُتَضَاعِفٍ، لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لأَبَرَّهُ، أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ النَّارِ كُلُّ عُتُلٍّ جَوَّاظٍ مُسْتَكْبِرٍ ".**[33]

Takhrij: Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, Imam Muslim, Imam al-Tirmidhī dan Imam Ibn Mājah.

1. Ṣāḥīḥ āl-Būkḥārī, Ḥāḍīṣ nōmbōr 6071, *Kīṭāb āl-Ā'ḍāb, Bāb āl-Kībr, Jūẓūk 4.*[34]

---

